

15 JAN 1997

Mahathir-Hollywood

PM PELAWA HOLLYWOOD GUNAKAN MSC

Oleh: K.C.Leong

LOS ANGELES, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelawa Hollywood menggunakan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menghubungkan kreativitinya dengan keadaan yang diperlukan bagi melahirkan hiburan berunsur tempatan, sesuai bagi Asia dan seluruh dunia.

Ketika berucap kepada pemimpin industri hiburan di sini pada Selasa, Perdana Menteri berkata rakyat Asia semakin memilih hiburan yang mementingkan ciri-ciri bahasa, dongengan, watak, muzik, kiasan dan lokasi.

Dr Mahathir yang dalam lawatan seminggunya ke California untuk memperkenalkan MSC, berkata MSC boleh menyediakan suasana terbaik di dunia bagi multimedia dan hiburan digital. Beliau akan berlepas ke Santa Clara pada Rabu dan akan ke Tokyo pula minggu depan untuk tujuan yang sama.

Beliau berkata MSC boleh menjadi tempat paling sesuai untuk percubaan mewujudkan pusat yang mengandungi pelbagai budaya yang pertama dunia bagi hiburan digital.

Hollywood sudah terbukti sebagai pusat penerbitan filem dunia, dan dengan bekerjasama, tidak mustahil ia dapat dikembangkan ke lapangan lain seperti permainan atau hiburan interaktif, katanya pada majlis yang diadakan di Hotel Beverly Hills.

"Walaupun teknologi dan maklumat akan bergerak semakin bebas dalam dekad-dekad akan datang, kreativiti akan terus menjadi sumber yang sukar diperolehi. Memandangkan anda mempunyainya dengan banyak, saya harap kita boleh menghubungkan dan menggunakan sesetengah daripadanya untuk mentakrifkan sempadan pengwujudan kandungan pelbagai budaya dalam era digital," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata walaupun teknologi baru telah mengubah cara industri hiburan beroperasi, kreativiti bukan saja kekal sebagai satu keperluan tetapi akan sebenarnya menjadi aset lebih berharga dan semua kandungan penciptaan "tertumpu dengan banyaknya dalam lingkungan 30 batu dari hotel ini."

Dr Mahathir percaya Hollywood akan terus memainkan peranan utama dalam Era Teknologi Maklumat yang menghasilkan hiburan melalui komputer dan cabang barunya, "edutainment" (pendidikan/hiburan).

Bagaimanapun, beliau berkata: "Dengan mengekalkan penguasaan anda di seluruh dunia mungkin memerlukan anda untuk mempelbagaikan beberapa elemen lain dalam penciptaan kandungan ke pusat-pusat kebudayaan lain di seluruh dunia.

"Hiburan hari ini hampir keseluruhannya mengandungi budaya Amerika. Watak-wataknya rakyat Amerika, masalah mereka ialah masalah rakyat Amerika, dialog mereka merupakan dialog Amerika.

"Kebanyakan negara menikmati hiburan ini pada peringkat yang agak dangkal. Mereka sebenarnya tidak faham kebanyakan kehalusan yang terkandung dalam cerita-cerita yang baik."

Dr Mahathir berkata walaupun ini mungkin mencukupi untuk hari ini disebabkan oleh glamornya, kesan khas dan nilai penerbitan yang bermutu, teknologi lambat laun akan menghapuskan semua kelebihan ini kerana hiburan digital yang berdasarkan aksi, kesan khas dan sebagainya boleh diwujudkan di mana jua dan aksi hero digital akan menjadi semakin realistik.

Katanya ketika negara-negara membangun menjadi lebih mewah, mereka akan mahukan lebih banyak kandungan tempatan bagi hiburan mereka dan ini telahpun dilihat dalam muzik dan televisyen Asia dan trend yang sama akan kelihatan dalam filem serta permainan komputer.

Ini kerana manusia di serata tempat mahu dikenali dengan apa yang menghiburkan mereka dan mengaitkannya dengan bahan aspirasi mereka sendiri. Kemudian semakin mereka menjadi lebih kukuh melalui kejayaan itu, mereka akan mencari kepuasan yang lebih mendalam.

"Mereka mencari pengertian yang lebih bermakna, dan ini memerlukan konteks kebudayaan yang menjangkau budaya pop Amerika," kata Perdana Menteri.

Untuk terus kekal menguasai dunia pada kurun ke-21, para pemimpin hiburan digital harus dihubungkan bersama pusat-pusat kandungan pelbagai budaya, katanya.

Dr Mahathir berkata kekayaan budaya Asia yang berasaskan Islam, Konfusianisme and Hindu boleh menjadi sumber kepada ide baru dalam sesuatu kandungan manakala teknologi akan membolehkan watak-watak baru diwujudkan secara elektronik dan jelmaan ide-ide ini akan memberikan sentuhan yang mendalam terhadap manusia.

Dalam hubungan ini, katanya Malaysia merupakan negara yang benar-benar mempunyai pelbagai budaya dengan masyarakat Melayu, Cina dan India terus hidup berkembang, walaupun dengan cara tersendiri tetapi saling berinteraksi.

MSC terletak dalam "nadi budaya Asia" yang akan benar-benar menjadi yang pertama di dunia dengan pengwujudan secara berhati-hati sesuatu kawasan bersama infrastruktur, undang-undang, dasar dan amalan yang akan membolehkan syarikat-syarikat menceburi Era Maklumat tanpa sebarang sekatan yang boleh mengecewakan mereka, katanya.

Beliau berkata Malaysia dan kerajaannya mengambil pendekatan sendirian untuk membangunkan negara menggunakan peralatan baru yang ditawarkan oleh Era Digital dan MSC merupakan projek perintis bagi mengharmonikan seluruh negara dengan kuasa dunia membentuk Era Maklumat.

Fasa pertama ialah untuk menjadikan MSC satu kejayaan dengan mempelajari daripada rakan-rakan Malaysia, fasa kedua akan menghubungkan semua kawasan cemerlang dalam Malaysia sementara fasa ketiga ialah menjadikan keseluruhan Malaysia sebagai MSC yang dihubungkan dengan wilayah-wilayah pintar di seluruh dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat terkemuka multimedia dan hiburan, Malaysia menawarkan Bil Jaminan Multimedia 10 perkara kepada semua syarikat yang mempunyai status MSC.

Jaminan itu ialah bagi Malaysia menyediakan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia, membenarkan tanpa had pengambilan dan kemasukan pekerja mahir asing dalam MSC tanpa sekatan pekerjaan dan akan memastikan kebebasan pemilikan syarikat-syarikat IT yang bertempat dalam MSC.

Membenarkan kebebasan pembiayaan kewangan dari seluruh dunia bagi infrastuktur MSC dan kebebasan meminjam peruntukan dari mana sekalipun, menyediakan insentif kewangan yang kompetitif, MSC akan menjadi pemimpin serantau dalam perlindungan harta intelek dan undang-undang siber, memastikan tiada penapisan dalam Internet, MSC akan mempunyai tarif telekomunikasi yang kompetitif;

Malaysia akan menawarkan tender kontrak-kontrak infrastruktur utama MSC kepada syarikat terkemuka yang bersedia menggunakan MSC sebagai pusat perdagangan serantau mereka, dan akan menyediakan agensi pelaksanaan (Perbadanan Pembangunan Multimedia) untuk bertindak sebagai pusat setempat yang efektif bagi memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat. -- BERNAMA

KCL RON MAI